



24 Disember 2020
24 December 2020
P.U. (A) 376

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(PEMOTONGAN YANG TIDAK DIBENARKAN BAGI
PEMBAYARAN KEPADA SYARIKAT LABUAN OLEH
PEMASTAUTIN) 2018 (PINDAAN) 2020

*INCOME TAX (DEDUCTIONS NOT ALLOWED FOR
PAYMENT MADE TO LABUAN COMPANY BY RESIDENT)
RULES 2018 (AMENDMENT) 2020*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PEMOTONGAN YANG TIDAK DIBENARKAN
BAGI PEMBAYARAN KEPADA SYARIKAT LABUAN OLEH PEMASTAUTIN) 2018
(PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 39(1)(r) dan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pemotongan yang Tidak Dibenarkan bagi Pembayaran kepada Syarikat Labuan oleh Pemastautin) 2018 (Pindaan) 2020**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019 kecuali bagi kaedah 2 yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

Pindaan kaedah 2

2. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pemotongan yang Tidak Dibenarkan bagi Pembayaran kepada Syarikat Labuan oleh Pemastautin) 2018 [*P.U. (A) 375/2018*] yang disebut sebagai “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda—

(a) dengan menomborkan semula kaedah 2 yang sedia ada sebagai subkaedah 2(1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subkaedah 2(1) yang telah dinomborkan semula subkaedah yang berikut:

“(2) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, “syarikat Labuan” ertinya entiti Labuan yang dirujuk dalam perenggan 2B(1)(a) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*].”.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan kepala Jadual dengan kepala yang berikut:

“

(1)	(2)	(3)	
Bil.	Jenis Pembayaran	Amaun yang tidak dibenarkan untuk potongan	”;

(b) dalam butiran 1, di bawah ruang (3), dengan menggantikan perkataan “33% daripada amaun pembayaran” dengan perkataan “25% daripada amaun pembayaran (termasuk pembayaran yang berkaitan dengan pembiayaan berkenaan dengan komisyen, fi fasiliti dan fi pendahuluan)”; dan

(c) dalam butiran 2, di bawah ruang (3), dengan menggantikan perkataan “33%” dengan perkataan “25%”.

Dibuat 23 Disember 2020

[Perb: MOF.TAX (S) 700-2/1/76; PN(PU2)80/C]

DATO' SRI TENGKU ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2)
Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTIONS NOT ALLOWED FOR PAYMENT MADE TO LABUAN COMPANY
BY RESIDENT) RULES 2018 (AMENDMENT) 2020

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 39(1)(r) and 154(1)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deductions Not Allowed for Payment Made to Labuan Company by Resident) Rules 2018 (Amendment) 2020**.

(2) These Rules are deemed to have come into operation on 1 January 2019 except for rule 2 which comes into operation on 1 January 2021.

Amendment of rule 2

2. The Income Tax (Deductions Not Allowed for Payment Made to Labuan Company by Resident) Rules 2018 [*P.U. (A) 375/2018*] which is referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended—

(a) by renumbering the existing rule 2 as subrule 2(1); and

(b) by inserting after the renumbered subrule 2(1) the following subrule:

“(2) For the purpose of these Rules, “Labuan company” means a Labuan entity referred to in paragraph 2B(1)(a) of the Labuan Business Activity Tax Act 1990 [*Act 445*].”.

Amendment of Schedule

2. The Schedule to the principal Rules is amended—

(a) by substituting for the heading of the Schedule the following heading:

“

(1)	(2)	(3)
<i>No.</i>	<i>Type of payment</i>	<i>Amount not allowed for deduction</i> ”;

(b) in item 1, under column (3), by substituting for the words “33% of the amount of payment” the words “25% of the amount of payment (including payment in connection with financing in respect of commission, facility fee and advance fee)”; and

(c) in item 2, under column (3), by substituting for the words “33%” the words “25%”.

Made 23 December 2020

[Perb: MOF.TAX (S) 700-2/1/76; PN(PU2)80/C]

DATO’ SRI TENGKU ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]